YAYASAN ISLAM KELANTAN
KELANTAN ISLAMIC FOUNDATION
Peti Surat 248, 15730 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
Tel : 09-712 6315, 09-712 6933 & 712 8144
09-712 6040 (Lembaga Peperiksaan) Fax : 09-712 7806
email: yik@kelantan.gov.my www.yik.kelantan.gov.my

المؤسسة الإسلامية بكلنتن
نيلم فوري، ص.ب. : ٢٤٨ ، ١٥٧٣٠، كوتبهارو، كلنتن، ماليزيا.
تليفون: ٠٩-٧١٢٦٣١٥ ، ٠٩-٧١٢٨١٤٤ (المكتب)
٠٩-٧١٢٦٠٤٠ (هيئة الإمتحانات)
فاكس: ٠٩-٧١٢٧٨٠٦

14

Ruj. Kami : YIK/100/1/1-3 Jld 4(13)
Bertarikh : 01 Syaaban 1437
Bersamaan : 08 Mei 2016

السلام عليكم

***Pengetua***
***Maahad Kerajaan***
***Maahad Tahfiz***
***Syeikh Pusat Pengajian Pondok***
***Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman***
***SMU (A) Kerajaan/SABK***
***Guru Besar Tadika Tengku Anis***

Tuan/Puan,

b7K

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2015 - PELAKSANAAN PEMBERIAN CUTI REHAT KHAS (CRK)**

Saya dengan hormatnya di arah merujuk surat YIK/100/1/1-3 Jld.4 (004) bertarikh 06 Mei 2015 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan selaras dengan pelaksanaan sedia ada, pemberian CRK sebanyak 7 hari layak diambil oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan secara pro-rata (proportionate) mulai bulan Januari hingga Disember bagi sesuatu tahun. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu,kes kecemasan Pengetua/ Guru Besar boleh menyokong permohonan CRK yang melebihi kelayakan tanpa terikat dengan tempoh perkhidmatan yang melayakkan terhad untuk tujuan-tujuan berikut :

(a) menziarahi 'ahli keluarga' dan 'ahli keluarga rapat' yang sakit tenat atau meninggal dunia;

(b) menziarahi upacara keagamaan yang dianuti oleh pegawai;

(c) dalam keadaan kecemasan atau kemalangan yang menimpa seperti kebakaran, banjir dan sebagainya;

(d) majlis konvokesyen bagi pegawai atau 'ahli keluarga';

(e) mendaftar anak ke sekolah atau institusi pengajian tinggi (di dalam atau di luar negara);

(f) menunaikan fardhu haji sekiranya tempoh 40 hari tidak mencukupi;

(g) menghadiri kursus suai kenal bagi kursus luar kampus; dan

(h) perkahwinan pegawai atau anak pegawai.

3. Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**" SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN "**

**' MEMBANGUN BERSAMA ISLAM '**
**' AKHLAK MEMBINA KESEJAHTERAAN UMMAH '**

Yang menurut perintah,

**(TENGKU AB RAHMAN BIN TUAN YUNUS)**
Pengarah,
Yayasan Islam Kelantan